

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Perniagaan *food truck* di Pulau Pinang.
- (a) Apakah garis panduan dan kriteria untuk menjalankan perniagaan *food truck*?
  - (b) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menggazetkan kawasan khas untuk perniagaan ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Garis panduan dan kriteria untuk menjalankan perniagaan *food truck* yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masing-masing adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (b) Pada ketika ini, MBPP tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan sebarang kawasan khas yang diwartakan (*gazzete*) bagi perniagaan *food truck* namun pengusaha perlu mematuhi garis panduan dan kriteria yang ditetapkan.

## **LAMPIRAN A**

### **GARISPANDUAN LESEN TRAK BERGERAK (TRAK MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

#### **1. Tujuan**

Garis panduan trak bergerak (trak makanan, barang dan perkhidmatan) ini disediakan bertujuan untuk memudahkan serta memberi panduan kepada Majlis dalam mengeluarkan lesen trak bergerak bagi tujuan perniagaan di kawasan pulau.

#### **2. Latarbelakang**

Perniagaan trak bergerak menjadi tren di bandar-bandar utama di dunia selaras dengan perubahan masa dan gaya hidup masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang mudah dan bersih.

Akibat dari perubahan gaya hidup ini, kaedah pelaksanaan perniagaan konvensional kurang mendapat sambutan sehingga menjadikan premis perniagaan kurang dikunjungi oleh masyarakat.

Kaedah perniagaan trak bergerak ini didapati lebih mudah, santai dan cepat dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat moden.

#### **3. Skop dan Punca kuasa**

Kelulusan yang diberikan ke atas Lesen Trak Bergerak ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang, dasar-dasar dan garispanduan berikut:-

Akta Kerajaan Tempatan 1976

Akta Perancang Bandar dan Desa 1976

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

Undang-Undang Kecil Penjaja 1979

Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian)  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991

Undang-Undang Kecil (Establisymen Makanan) Majlis  
Perbandaran Pulau Pinang 1991

Undang-Undang Kecil (Pengendalian Makanan) Majlis  
Perbandaran Pulau Pinang 1983

Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
2000

Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) Majlis  
Perbandaran Pulau Pinang 2014

Undang-Undang Kecil (Taman) Majlis Perbandaran Pulau  
Pinang 1993

Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam)  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1990

Dasar Pengasingan Sisa Dipunca

#### 4. Definisi Trak Bergerak dan Pihak Berkuasa Melesen

Perniagaan trak bergerak ialah apa-apa kenderaan yang dipandu sendiri (*food truck/pickup/motorsikal roda tiga/moving cart*) ditunda (caravan dan moving cart) serta digunakan untuk tujuan perniagaan makanan, barang atau perkhidmatan yang mendapat kebenaran Majlis.

Pegawai pelesenan adalah pegawai Majlis yang diberikan kuasa oleh Datuk Bandar untuk mengeluarkan permit perniagaan trak bergerak.

Makanan merujuk kepada:-

Perniagaan trak makanan ialah apa-apa kenderaan yang dipandu sendiri serta digunakan untuk tujuan perniagaan barang atau perkhidmatan yang mendapat kebenaran Majlis.

Menjual makanan dan minuman yang diluluskan oleh Majlis.

Menjual makanan sejuk beku atau *pre packaged food* atau makanan yang dipanaskan atau makanan yang disediakan secara berpusat di *central kitchen*.

Memastikan makanan dijual dalam keadaan bersih dan selamat untuk dimakan.

#### Barangan dan Perkhidmatan

Perniagaan trak barang dan perkhidmatan ialah kenderaan berjenis trak/bas/treler/van/lori yang dipandu sendiri untuk digunakan bagi tujuan perniagaan barang atau perkhidmatan yang mendapat kebenaran Majlis.

Barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan mesti mendapat kelulusan Majlis dari aspek perniagaan berisiko dan tidak berisiko.

Aktiviti/transaksi perniagaan barang dan perkhidmatan ditawarkan mesti dijalankan dalam kompaun kenderaan sahaja.

### 5. Perancangan Tapak Perniagaan Trak Bergerak

Kriteria penetapan lokasi aktiviti adalah seperti berikut:-

Petak letak kereta sediada yang dikhaskan untuk digunakan sebagai lokasi perniagaan trak bergerak.

Tidak menimbulkan kacau ganggu semasa perniagaan dijalankan.

Lokasi yang mudah diakses oleh orang awam

Kaki lima atau penjalan kaki yang dibenarkan oleh Majlis.

Untuk perniagaan yang hendak dijalankan di dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak berkenaan sebelum permohonan dikemukakan kepada Majlis.

Tidak mengganggu aliran trafik

Majlis berhak menambah, mengurangkan, membatalkan permohonan yang telah diluluskan sekiranya kehendak dan syarat Majlis tidak dipatuhi.

Kawasan larangan perniagaan trak bergerak adalah seperti berikut:-

Berada dalam lingkungan 40 meter dari kawasan sekolah.

Berada dalam lingkungan 1,000 meter dari kompleks pasar/makanan Majlis.

Simpang jalan utama dan lampu isyarat.

Berdekatan dengan utiliti awam seperti pili Bomba, telefon awam dan sebagainya.

Kawasan kemudahan OKU (Petak Letak Kenderaan OKU dan sebagainya)

## 6. Permohonan Lesen/Permit Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan)

Kaedah Permohonan

Pemohon perlu mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan Lesen Trak Bergerak seperti di **LAMPIRAN A** dan mengemukakan permohonan ke Pejabat Bahagian Pelesenan MBPP.

Carta Aliran kerja bagi permohonan Lesen Trak Bergerak adalah seperti **LAMPIRAN B**.

Kategori Pemohon

Penjaja Kecil. Lokasi yang dibenarkan di atas tanah awam dan persendirian

Perniagaan Perkongsian (Sdn. Bhd./Berhad). Lokasi dibenarkan di atas tanah persendirian sahaja.

Pertubuhan Bukan Kerajaan/Persatuan. Lokasi yang dibenarkan mengikut asas pertimbangan majlis.

#### Kategori Lesen/Permit

Makanan dan Minuman. Menjual makanan dan minuman yang diluluskan oleh Majlis sahaja.

Barangan. Menjual barang yang diluluskan oleh Majlis sahaja

Perkhidmatan. Menyediakan perkhidmatan yang diluluskan oleh Majlis sahaja.

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:-

Borang permohonan lesen perniagaan trak bergerak

Pendaftaran perniagaan

Salinan Mykad (Kad Pengenalan Malaysia)

Kertas kerja ringkas yang menerangkan konsep perniagaan

Cadangan lokasi perniagaan

Dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:-

Polisi insuran perniagaan bagi pelanggan

Dokumen suntikan anti tifoid

Sijil Menghadiri Kursus Latihan Pengendalian Makanan yang diiktiraf.

Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja

Geran Kenderaan

Sijil kelulusan PUSPAKOM yang masih sah tempoh.

Salinan pelan badan kenderaan yang telah diluluskan oleh JPJ

Senarai pekerja

Sijil Halal dari JAKIM (Jika berkaitan)

## 7. Syarat-Syarat Lesen/Permit Trak Bergerak

Lesen/Permit dikeluarkan oleh Majlis berdasarkan kepada satu lesen bagi satu kenderaan bagi satu jenis perniagaan. Tambahan jenis perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis.

Lesen/permit yang dikeluarkan adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh majlis.

Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang lesen/permit sendiri. Pindah milik atau pajak kecil (*sublet*) adalah tidak dibenarkan.

Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan kekal/Bangsal/kanopi di tapak perniagaan tanpa kelulusan Majlis.

Pemegang lesen/permit hendaklah sentiasa mempamerkan permit yang boleh dilihat dengan jelas oleh pegawai Majlis dan pelanggan.

Trak bergerak hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di kawasan yang dibenarkan sahaja.

Setiap perubahan reka bentuk kenderaan perlu mendapat kelulusan daripada JPJ dan PUSPAKOM

Setiap perubahan pelan perniagaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Majlis dan akan dikenakan fi pemprosesan.

Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain.

Permohonan permit hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum permit tamat beserta dengan surat pemeriksaan PUSPAKOM yang masih sah semasa pembaharuan.

Peniaga perlu mematuhi garispanduan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis melalui pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, *No Free Plastic Bag* dan menggunakan pembungkus makanan biodegradasi. Penggunaan polisterin adalah dilarang.

Lesen/Permit hanya diberikan kepada warganegara Malaysia yang bermastautin dalam kawasan pulau sahaja.

Lesen ini tidak dikeluarkan kepada warga asing.

Perletakan kerusi meja dan penjualan minuman beralkohol adalah dilarang.

Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan sentiasa bersih dan bebas dari sampah.

Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan tidak mengganggu lalulintas dan menimbulkan kacauganggu.

Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kemalangan/kecederaan/kecurian yang berlaku semasa aktiviti perniagaan dijalankan.

Peniaga perlu mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuaskan dan garispanduan sediada. Majlis berhak untuk membatalkan lesen/permit sekiranya pemegang lesen melakukan apa-apa kesalahan dan perlanggaran syarat.

Setiap trak bergerak harus menyediakan insurans tanggungan awam (Minimum RM20,000.00 dan tertakluk pada jenis insurans)

Pemohon yang telah diluluskan lesen/permit hendaklah menandatangani perjanjian akujanji pematuhan syarat dengan Majlis.

## 8. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya terdapat perlanggaran syarat kelulusan.

9. Kadar Bayaran Fi Trak Bergerak (Makanan, Baranan dan Perkhidmatan)

Bil	Jenis Bayaran	Tanah Awam/Hartanah Majlis	Tanah Persendirian
1	Permit bulanan	RM 150 untuk satu permit [RM5 x 30 hari x 1 Petak]	
2	Permit harian	RM 10 x [ Jumlah hari dipohon ] x 1 Petak	
3	Permit di Tapak Karnival/Pesta/Fiesta		RM 50.00 sehari
4	Tempat Letak Kereta	Perlu mendapat kelulusan dari Jabatan Perbendaharaan MBPP dengan kadar harian tetap.	
5	Caj sampah	Mengikut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP.	

10. Setiap pengusaha bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi dan mendapat kelulusan dari agensi berkaitan.

- (a) Spesifikasi kenderaan trak bergerak mengikut spesifikasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) /Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)/PUSPAKOM
  - (i) Setiap perubahan reka bentuk dan operasi kenderaan perlulah mendapat kelulusan dari JPJ/SPAD/PUSPAKOM.
  - (ii) Penyelenggaraan kenderaan hendaklah dilakukan dengan baik dari segi kebersihan dan keselamatan dan menjalankan pemeriksaan berjadual dengan PUSPAKOM.
- (b) Waktu Operasi
  - (i) Waktu operasi bagi perniagaan trak bergerak adalah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam [termasuk semasa penganjuran pesta/karnival dan lain-lain program]

- (ii) Majlis boleh mempertimbangkan waktu operasi selain waktu 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sekiranya perlu.
- (iii) Waktu perniagaan perlu dipamerkan oleh pemegang lesen di trak bergerak.

(c) Kebersihan

- (i) Mematuhi peraturan dan syarat-syarat pengurusan kebersihan dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis.
- (ii) Membuat kawalan serangga makhluk perosak dalam kawasan kenderaan yang digunakan.

(d) Pengurusan Sampah

- (i) Mengamalkan pelaksanaan pengasingan sisa di punca seputihnya yang disyaratkan oleh Majlis.
- (ii) Tidak dibenarkan membiarkan sampah di tempat perniagaan semasa dan selepas perniagaan.

(e) Pencemaran

- (i) Pemegang lesen perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang mengandungi peraturan mengenai pencemaran bunyi, air dan udara.

(f) Kacauganggu - Akta 171

Majlis boleh mengambil langkah untuk memberhentikan, memusnah dan menghapuskan segala kacauganggu di kawasan yang dibenarkan.

(g) Iklan

- (i) Pemegang lesen hendaklah mematuhi kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis dalam urusan berkaitan iklan.

- (ii) Semua iklan yang dipamerkan hendaklah mendapatkan kelulusan dari Majlis.

#### **11. Tarikh Kuatkuasa**

Tarikh kuatkuasa garispanduan ini adalah berkuatkuasa pada 1 Mac 2018.

## LAMPIRAN B



### GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK (MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

DILULUSKAN DALAM MAJLIS PENUH KE-545 (11/2019)  
BERTARikh 26 NOVEMBER 2019

ISI KANDUNGAN  
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK SERGERAK  
(MAKANAN, SARANGAN DAN PERKHIDMATAN)  
DI PIHAK SERKUASA TEMPATAN

---

SAHAGIAN I

1. TUJUAN
2. LATAR SELAKANG
3. SKOP GARIS PANDUAN

SAHAGIAN II PENGURUSAN  
TRAK SERGERAK

4. GARIS PANDUAN
  - 4.1 PERANCANGAN TAPAK PERNIAGAAN TRAK SERGERAK
  - 4.2 WAKTU OPERASIPERNIAGAAN
  - 4.3 LESEN DAN PERMIT
  - 4.4 DOKUMEN PERMOHONAN
  - 4.5 KADAR SAYARAN FI LESEN/PERMIT
  - 4.6 PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN
  - 4.7 SPESIFIKASI KENDERAAN
  - 4.8 KESELAMATAN
  - 4.9 KESERSIHAN
  - 4.10 PENGURUSAN SISA PEPEJAL
  - 4.11 PENCEMARAN
  - 4.12 KAWALAN HARGA
  - 4.13 KACAU GANGGU
  - 4.14 IKLAN

SAHAGIAN III

5. PENUTUP
6. RUJUKAN
7. LAMPIRAN

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK  
(MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN)  
01 PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

---

**SAHAGIAN I**

**Tujuan**

Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) ini disediakan bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan, pengusaha/peniaga dan pihak berkepentingan dalam urusan yang berkaitan dengan perniagaan Trak Bergerak di PBT.

**1. Latar Belakang**

- 2.1 Perniagaan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) kini menjadi trend di bandar dan semakin berkembang maju. Keadaan ini disebabkan oleh perubahan gaya hidup rakyat di bandar yang semakin sibuk dan kesuntukan masa untuk memenuhi keperluan harian.
- 2.2 Situasi ini memberi peluang kepada peniaga sedia ada atau baharu untuk merebut segmen pasaran yang sedang berkembang pesat di bandar. Model perniagaan secara tradisional di premis tetap kurang menguntungkan jika segmen pasaran disasarkan kepada golongan ini. Justeru, perniagaan Trak Bergerak adalah lebih sesuai dan semakin mendapat tempat di hati rakyat di bandar serta membentuk budaya baharu dalam rangkaian perniagaan makanan, barang dan perkhidmatan di Malaysia.
- 2.3 Perniagaan Trak Bergerak (makanan, barang dan perkhidmatan) membolehkan peniaga memberi perkhidmatan lebih pantas di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh PBT dalam suasana yang lebih santai, *urban, hype* dan mudah diakses oleh orang awam.

## **2. Skop Garis Panduan**

### **3.1 Definisi:**

#### **3.1.1 Trak Bergerak**

Mana-mana kenderaan sama ada dipandu atau ditunda yang mendapat kebenaran dari PBT bagi tujuan perniagaan makanan, barang dan perkhidmatan.

#### **3.1.2 Pihak Berkuasa Melesen**

Pegawai yang telah diberi kuasa oleh Datuk Bandar!Yang Dipertua untuk mengeluarkan permit perniagaan Trak Bergerak.

#### **3.1.3 Makanan**

Sebarang jenis makanan dan minuman yang dibenarkan dan mesti disediakan di atas trak.

#### **3.1.4 Barang dan Perkhidmatan**

Sebarang jenis barang dan perkhidmatan yang dibenarkan dan mesti disediakan di atas trak.

**3.2 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan, dasar dan peraturan utama seperti berikut:**

**3.2.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];**

**3.2.2 Akta Pérancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];**

**3.2.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];**

**3.2.4 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723];**

**3.2.5 Undang-Undang Kecil Pelesenian Tred Perniagaan dan Perindustrian;**

- 3.2.6 Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007;
- 3.2.7 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan;
- 3.2.8 Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan;
- 3.2.9 Undang-Undang Kecillklan;
- 3.2.10 Undang-Undang Kecil Penjaja;
- 3.2.11 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap;
- 3.2.12 Undang-Undang Kecil Taman;
- 3.2.13 Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kompilasi 51 Kaedah-Kaedah);
- 3.2.14 Garis Panduan Kelulusan Jenis Kenderaan (Pindaan) 2015;
- 3.2.15 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta);
- 3.2.16 *National Fire Protection Associates (NFPA) 96:2017-Standard for Ventilation Control and Fire Protection of Commercial Cooking Operations.*
- 3.2.17 *NFPA 1-Fire Code;*
- 3.2.18 *Malaysian Satandars (MS) 1539-Spesification for Portable Fire Extinguishers-Part 3: Selection and Installation-Code of Practice;*
- 3.2.19 *Malaysian Standard (MS) 830:2013-Storage, Handling and Transportation of Liquified Petroleum Gasses (LPG)-Code of Practice;*
- 3.2.20 *Malaysian Standard (MS) 930:2017-/Installation of Fuel Gas piping Systems and Appliances- Code of Practice;*
- 3.2.21 Akta Makanan 1983;

- i. Peraturan-Peraturan Makanan 1985; dan
- ii. Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009.

3.2.22 Garis Panduan Kelulusan Jenis Kenderaan (Pindaan) 2015; dan

3.2.23 Mana-mana Undang-Undang Kecil, dasar dan perundangan yang berkaitan dengan urusan Trak Bergerak, garis panduan, pekeliling, peraturan yang digunakan dari semasa ke semasa.

**SAHAGIAN II  
PENGURUSAN TRAK BERGERAK**

**3. Garis Panduan**

**4.1 Perancangan Tapak Perniagaan Trak Bergerak**

4.1.1 Kriteria penetapan lokasi perniagaan Trak Bergerak adalah seperti berikut:

- i. Petak parkir sedia ada dikhas dan digunakan sebagai lokasi perniagaan Trak Bergerak;
- ii. Tidak menimbulkan kacau ganggu semasa perniagaan dijalankan;
- iii. Lokasi yang mudah diakses oleh orang awam;
- iv. Kaki lima atau laluan pejalan kaki awam yang dibenarkan oleh PBT;
- v. Perniagaan yang hendak dijalankan dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat Kerajaan dan persendirian, permohonan perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak-pihak berkenaan sebelum permohonan dikemukakan kepada PBT;

- vi. Tiada gangguan aliran lrafik dan lalu linas;
- vii. Menyediakan papan landa khas bagi penempalan Trak Bergerak kerulamanya kawasan *hotspot* serta dilandakan mengikut keluasan maksimum kenderaan; dan
- viii. Pihak PBT boleh menambah atau mengurang atau membatalkan lokasi perniagaan Trak Bergerak yang disenaraikan dalam jadual yang diluluskan semasa permohonan dan tertakluk kepada syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh pihak PBT.

4.1.2 Kawasan larangan perniagaan Trak Bergerak adalah seperti berikut:

- i. 40 meter dari perimeter kawasan sekolah;
- ii. Simpang jalan utama dan lampu isyarat;
- iii. Berdekatan utiliti seperti pili bomba, telefon awam dan lain-lain;
- iv. Petak parkir bagi Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- v. Makanan, barang dan perkhidmatan yang disediakan di luar trak.

#### 4.2 Waktu Operasi Perniagaan

4.2.1 Waktu operasi bagi perniagaan Trak Bergerak adalah dari jam 7:00 pagi hingga 12.00 tengah malam termasuk semasa pesta/karnival.

4.2.2 PBT juga boleh menentukan waklu perniagaan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

4.2.3 Waklu perniagaan wajib dipaparkan pada papan landa khas di

lokasi perniagaan hotspot.

#### 4.3 Lesen dan Permit

4.3.1 Pemohon perlu membuat permohonan lesen/permit di PBT berkenaan bagi kategori seperti berikut:

i. Perniagaan Milik Tunggal

- (a) Lesen/permit atas nama individu/ Pendaftaran Perniagaan Pemilikan Tunggall Perkongsian (RoB); dan
- (b) Lokasi di atas tanah awam atau persendirian.

ii. Perniagaan Perkongsian (Sdn. Bhd./Berhad)

- (a) Lesen/permit atas nama perniagaan dan syarikat;
- (b) Lokasi di atas tanah persendirian; atau
- (c) Berdaftar dengan mana-mana agensi Kerajaan/Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)/ pertubuhan dan bergantung kepada Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement*).

#### 4.3.2 Kategori Lesen/Permit

i. Makanan

Menjual makanan dan minuman yang diluluskan oleh pihak PBT.

ii. Barang

Menjual barang yang diluluskan oleh pihak PBT.

iii. **Perkhidmatan**

Menyedia/menjual perkhidmatan yang diluluskan oleh pihak PBT.

4.3.3 Syarat-Syarat Lesen dan Permit

- i. Lesen/permit dikeluarkan oleh PBT berdasarkan prinsip satu **permit bagi satu kendaraan dan jenis perniagaan**. Tambahan jenis perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan PBT;
- ii. Lesen/permit yang telah dikeluarkan oleh pihak PBT hendaklah mengikut lokasi perniagaan yang telah diluluskan;
- iii. Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang lesen/permit dan di lokasi yang telah diluluskan sahaja;
- iv. **Peniaga tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan kekal/bangsal/kanopi di tapak perniagaan tanpa kebenaran pihak PBT;**
- v. **Setiap peniaga wajib mempamerkan lesen/permit supaya boleh dilihat dengan jelas oleh pelanggan dan agensi penguatkuasaan;**
- vi. Setiap perubahan reka bentuk kendaraan perlu mendapat kelulusan dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn. Bhd. (PUSPAKOM). Permohonan pembaharuan permit dibuat sebelum tarikh permit tamal dan disertakan dengan surat pemeriksaan PUSPAKOM terkini yang masih sah;
- vii. **Setiap perubahan pelan perniagaan mestilah diberitahu secara bertulis kepada pihak PBT dan akan dikenakan fi pemprosesan;**

- viii. Kelulusan adalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain;
- ix. Kelulusan adalah tertakluk kepada mana-mana syarat tambahan yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini;
- x. Peniaga adalah diwajibkan untuk menggunakan pembungkus makanan biodegradasi sahaja (tertakluk kepada PBT). Penggunaan pembungkus makanan polisterina adalah dilarang sama sekali;
- xi. Peniaga dan pekerja adalah warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sahaja;
- xii. Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kebenaran PBT;
- xiii. Jualan minuman jenis beralkohol walaupun secara sampingan adalah tidak dibenarkan;
- xiv. Kebersihan di lokasi perniagaan dan kawasan sekitar perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa dan selepas tamat waktu bermiaga. Tong sampah disediakan secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran;
- xv. Peniaga perlu memastikan lokasi perniagaan tidak mengganggu lalu lintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain;
- xvi. Pihak PBT tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan;
- xvii. Perniagaan Trak Bergerak ini adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak PBT dan jika terdapat aduan-aduan berasas, Pihak

Berkuasa Melesen PBT boleh membatalkan permit dengan serta merta tanpa sebarang notis pemberitahuan;

- xviii. Setiap trak makanan, barang dan perkhidmatan harus menyediakan Insurans Tanggungan Awam (tidak melebihi RM100,000.00) dan tertakluk pada jenis insurans; dan
- xix. Pemohon yang telah lulus permohonan perlu menandatangani Aku Janji dengan PBT.

#### 4.4 Dokumen Permohonan

**4.4.1 Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan semasa permohonan** dikemukakan kepada PBT adalah seperti berikut:

- i. Borang permohonan lesen/permit perniagaan trak barang dan perkhidmatan;
- ii. Pendaftaran Perniagaan;
- iii. Salinan MyKad pemohon;
- iv. Gambar/pelan lokasi yang dimohon berserta 3 pilihan lokasi alternatif;
- v. Keterangan ringkas konsep perniagaan;
- vi. Polisi insurans perniagaan untuk pelanggan;
- vii. Salinan Surat Hak Milik Kenderaan atas nama pemohon. (Kemukakan surat kebenaran jika Sura! Hak Milik Kenderaan atas nama orang lain);
- viii. Sijil pemeriksaan dan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, PUSPAKOM yang masih sah tempoh; dan

ix. Senarai nama dan bilangan pekerja.

4.4.2 Dokumen tambahan yang perlu disertakan bagi permohonan perniagaan Trak Bergerak (Makanan) adalah seperti berikut:

- i. Dokumen pelalian antitifoid bagi semua pekerja;
- ii. Sijil Latihan Pengendali Makanan dari Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- iii. Slip pendaftaran premis dengan KKM. Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian di laman web (<http://fosimdomestic.moh.gov.my>) atau di Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri yang berhampiran;
- iv. Laporan pemeriksaan kesihatan pekerja;
- v. Permohonan pensijilan halal Uika berkaitan); dan
- vi. Senarai penggunaan bahan/material kitar semula Uika berkaitan).

#### 4.5 Kadar Bayaran Fi Lesen/Permit

4.5.1 Kadar bayaran fi Trak Bergerak adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Fi lesen	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lesen penjaja bergerak : RM30 setahun / penjaja (individu) (harga diskain 50% oleh Kerajaan Negeri) sama ada di tanah awam / tanah persendirian.</li></ul>
2.	Kadar Sewa Tapak	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM900 setahun (untuk tapak MBSP seluruh Seberang Perai)</li></ul> <p>Tapak persendirian tidak perlu sewa tapak.</p>

3.	Lain-Lain Caj	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permit penganjuran : RM240 (penganjur)</li> <li>• Permit kanopi – sekiranya berkaitan (Jabatan Bangunan)</li> <li>• Permit sementara : RM15.00 (sebulan)</li> </ul>
----	---------------	--

4.5.2 Kadar fi yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

4.5.3 Senarai lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti Trak Makanan Dan Trak Perkhidmatan

❖ **LOKASI SPESIFIK**

**SEBERANG PERAI UTARA**

1. Vision Park
2. Taman Robina
3. Berhampiran Kiosk Bertam (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
4. Pusat Komersial Tasek Gelugor (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
5. Tapak Letak Kereta Pusat Perniagaan Sungai Dua (Sebelah Malam Sahaja)
6. Jalan Pantai
7. Jalan Loader
8. Tapak Letak Kereta Pasar Awam Sri Bandar (Sebelah Malam Sahaja)
9. RNR Bagan Ajam (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)

**SEBERANG PERAI TENGAH**

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (Waktu Malam Sahaja)
2. Tapak Letak Kereta Sunway Sport Centre (Belakang Blanket Hotel – Sebelah Malam Sahaja)
3. Tapak Pasar Malam Arowana (Selain Hari Pasar Malam)
4. Tapak Parkir Ekspo Seberang Jaya (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
5. Tapak Parkir Hadapan JPJ (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
  - Siang (Trak Perkhidmatan)
  - Malam (Trak Makanan)
6. Pusat Perniagaan Limau Manis (Berhampiran Kedai Hankook – Sebelah Malam Sahaja)
7. Jalan Industri Impian
8. Tapak Pasar Malam Kubang Semang (Selain Hari Pasar Malam)
9. Pusat Komersial Permatang Pauh (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)

**SEBERANG PERAI SELATAN**

1. Perkarangan Stadium Batu Kawan (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
2. Design Village (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
3. Tapak Parkir Jeti Batu Musang (Dengan Kelulusan Tuan Tanah)
4. Hadapan Maybank Nibong Tebal (Sebelah Malam Sahaja)
5. Hadapan RHB Bank / Hong Leong Bank Sungai Bakap.
6. Kawasan Ampang Jajar, SPS.

❖ LOKASI UMUM

1. Jalan Susur Yang Tidak Digunakan
2. Tanah-Tanah Persendirian
3. Tapak Parkir Yang Tidak Digunakan Pada Waktu Malam
4. Bawah Flyover Dengan Kebenaran Tuan Tanah
5. Tapak Yang Dikhaskan Pemaju Untuk Tapak Penjaja.
6. Tapak Parkir Pasaraya Pusat Membeli Belah Dan Kompleks Perniagaan.
7. Tapak Parkir Pasar Awam Selepas Waktu Operasi Pasar.

**4.6 Pemantauan dan Penguatkuasaan**

4.6.1 Berdasarkan akta, peraturan sedia ada dan syarat-syarat yang dikenakan oleh PBT, pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan bagi perkara-perkara dan yang mana berkaitan dengannya seperti berikut:

- i. Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai PBT yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat pelanggaran syarat seperti yang dinyatakan dalam garis panduan ini;
- ii. Pematuhan kepada syarat-syarat lesen/permit yang telah ditetapkan oleh PBT;
- iii. Pemeriksaan permit /lesen perniagaan;
- iv. Waktu perniagaan;
- v. Permit/lesen perlu dipamerkan;
- vi. Lokasi perniagaan;
- vii. Aspek kebersihan dan kesihatan;
- viii. Halangan dan kacau ganggu;
- ix. Menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan sahaja dan memastikan jarak antara trak sekurang-kurangnya 3.5

kaki; dan

- x. Lain-lain syarat yang dikenakan oleh PBT dari semasa ke semasa.

#### 4.7 Spesifikasi Kenderaan

4.7.1 Setiap peniaga Trak Bergerak bertanggungjawab memastikan perkara-perkara seperti berikut dipenuhi, dipatuhi dan mendapat kelulusan dari agensi-agensi berkaitan:

- i. Spesifikasi kenderaan Trak Bergerak wajib mendapat kelulusan pelan teknikal kenderaan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan;
- ii. Penyelenggaraan Kenderaan
  - (a) Kenderaan mestilah bersih dan diselenggara dengan baik serta tiada pencemaran pada kenderaan sama ada kekotoran, bau dan lain-lain; dan
  - (b) Kenderaan perlu menjalani pemeriksaan berkala bagi 2 tahun pertama (12 bulan sekali) di PUSPAKOM.
- ii. Pemeriksaan Kenderaan
  - (a) Setiap pemilik perniagaan Trak Bergerak bertanggungjawab menghantar kenderaan untuk pemeriksaan dari segi keselamatan dan tahap pematuhan peraturan kesihatan dari semasa ke semasa sebelum diluluskan seperti yang dikehendaki oleh pihak PBT. Satu tarikh pemeriksaan perlulah ditetapkan dengan PBT; dan
  - (b) Pemeriksaan rawak akan dijalankan oleh PBT dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

- iv. Spesifikasi Trak Bergerak (Makanan) adalah seperti berikut:
- (a) Trak Bergerak perlu menepati spesifikasi trak *Lorry Food Catering (LFC)* daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Rujuk **Lampiran 1** dan **2**;
  - (b) Tempat mencuci langan;
  - (c) Tempat membasuh (sinki);
  - (d) Kawasan penyediaan makanan;
  - (e) Fasiliti memasak tabung *Liquid Petroleum Gas (LPG)*:
    - 1) Ditempatkan di tempat sesuai dan tidak sebaris dengan generator;
    - 2) Tidak melebihi berat 25kg setiap satu;
    - 3) Ruang penyimpanan dan paip gas perlu merujuk pacta MS 930;
    - 4) Jarak LPG dengan papan suis utama dan dengan dapur mestilah tidak kurang daripada 900mm.
  - (f) Mempunyai tangki simpanan air bersih;
  - (g) Mempunyai tangki simpanan air kotor;
  - (h) Mempunyai perangkap minyak khas untuk trak;
  - (i) Mempunyai kipas ekzos;
  - G) Kadar pencahayaan yang mencukupi; dan
  - (k) Ruang pengudaraan mencukupi;
  - (l) Menyediakan sekurang-kurangnya satu alat pemadam api dari jenis debu kering (mematuhi MS 1539) dengan keberatan tidak kurang daripada 9kg.

(m) Sistem pendawaian elektrik yang teratur.

#### 4.7.2 Premis makanan/central kitchen

Tanpa mengecualikan keperluan-keperluan khas yang terdapat dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan 2007, keperluan am bagi reka bentuk dan operasi Trak Bergerak (Makanan) adalah seperti berikut:

- i. Susun atur dan pembinaan kenderaan perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut:
  - (a) Bersesuaian dengan jenis menu makanan dan aktiviti penyediaan makanan yang hendak dijalankan;
  - (b) Mempunyai ruangan yang mencukupi untuk semua aktiviti, penggunaan dan penyimpanan peralatan;
  - (c) Memudahkan proses pembersihan peralatan;
  - (d) Boleh mengelakkan kemasukan haiwan pembawa penyakit, debu, bau, asap dan lain-lain bahan pencemar; dan
  - (e) Tidak mempunyai ruang yang menggalakkan haiwan perosak untuk hidup serta membiak di dalam kenderaan.
- ii. Sinki tempat membasuh am dan tangan perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut:
  - (a) Sinki/tempat membasuh tangan yang sesuai hendaklah disediakan dengan air yang mengalir;
  - (b) Semua sinki perlu dibekalkan dengan bahan cuci

- cecair yang sesuai di dalam dispenser, tuala kertas dan/atau pengering tangan automatik;
- (c) Semua sinki perlu dilengkapi dengan paip dioperasi lanpa langan bagi kegunaan pengendali makanan;
  - (d) Mempunyai ruang memuaskan tangki simpanan air bersih pada kadar yang mencukupi;
  - (e) Semua sinki perlu dilengkapi dengan perangkap sanitari; dan
  - (f) Saiz sinki/lempal membasuh langan hendaklah bersesuaian untuk aktiviti tersebut dan tidak terlalu kecil serta dipasang pacta kelinggian yang bersesuaian.

### iii. Sumber Air

- (a) Kenderaan mestilah mempunyai bekalan air bersih secukupnya yang disimpan dalam bekas bergred makanan dan tidak iercemar bagi tujuan penyediaan makanan, membasuh tangan dan pembersihan peralatan;
- (b) Kenderaan mesilah dilengkapi dengan tangki simpanan air buangan dengan kapasiti yang mencukupi. Tangki simpanan ini haruslah mempunyai lebihan ruang bagi menampung sisa lain yang dibuang bersama-sama air buangan; dan
- (c) Pelupusan sisa cecair yang dihasilkan oleh kenderaan ini haruslah dibuat menerusi sistem kumbahan (melalui perangkap minyak dan makanan, jika perlu) atau dengan apa-apa cara yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan. Cara buangan dan lokasi

buangan juga hendaklah dinyatakan dalam borang permohonan. Peniaga digalak menggunakan perangkap minyak dan makanan yang mempunyai permukaan berkilat dan kalis air.

iv. Ruang Pengudaraan

- (a) Kabin memasak perlulah mempunyai ruang pengudaraan yang baik sepanjang masa. Kipas ekzos hendaklah dipasang menghala ke atas menerusi siling kabin;
- (b) Alat penapis udara perlulah dipasang untuk memastikan kekotoran tidak terperangkap ke dalam saluran kipas ekzos; dan
- (c) Alat pengudaraan berkenaan mestilah sentiasa dibersihkan dan beroperasi dengan baik.

v. Pencahayaan

- (a) Lampu yang dipasang pada kenderaan mestilah tidak mengganggu kenderaan sekeliling dan keadaan trafik di jalan raya;
- (b) Lampu di ruang penyediaan makanan perlu memberikan pencahayaan yang mencukupi dan bertutup bagi mengelak risiko pencemaran terhadap makanan; dan
- (c) Penggunaan lampu ketika kenderaan bergerak perlulah mematuhi syarat JPJ.

vi. Dinding Kenderaan

- (a) Dinding kenderaan hendaklah dibuat daripada

material yang mudah dibersihkan, tidak telap air dan tidak toksik;

- (b) Binaan struktur luar dan dalam serta lantai kenderaan trak bergerak makanan hendaklah menggunakan bahan yang tidak mudah terbakar seperti berikut:
- Keluli Tahan Karat (*Stainless Steel* dan aluminium; dan
  - Lain-lain bahan yang dibenarkan oleh agensi berkenaan.
- (c) Binaan struktur luar dan dalam serta lantai kenderaan trak bergerak barang dan perkhidmatan boleh menggunakan bahan yang sesuai seperti berikut:
- Keluli Tahan Karat (*Stainless Steel* dan aluminium;
  - Akrilik (*Acrylic*);
  - Polivinil (*Polyvinyl*); dan
  - Lain-lain bahan yang dibenarkan oleh Pegawai Kesihatan dan Pihak Berkuasa Melesen.
- (d) Aksesori/hiasan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan berada di dalam kenderaan.

vii. Siling Kenderaan

- (a) Ketinggian siling hendaklah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti perniagaan;
- (b) Siling mestilah sentiasa dalam keadaan bersih dan sempurna bagi mengelakkan pencemaran;

- (c) Siling mestilah dibuat daripada material yang tidak telap air, terbakar, senang dibersihkan dan tidak toksik;
- (d) Siling mestilah bebas daripada kerosakan seperti karat, lubang dan celah sambungan terbuka; dan
- (e) Sambungan antara siling dengan dinding hendaklah dibuat secara kemas dan kalis habuk.

#### 4.8 Keselamatan

4.8.1 Menyediakan alat pemadam kebakaran.

4.8.2 Memastikan penggunaan gas memasak mengikut standard dan piawaian yang ditetapkan.

4.8.3 Pendawaian mengikut standard yang ditetapkan.

#### 4.9 Kebersihan

4.9.1 Setiap pengendali/peniaga Trak Bergerak wajib menjual makanan yang selamat dan sesuai dimakan selaras dengan pematuhan seperti berikut:

- i. Akta Makanan 1983:
  - a) Peraturan-Peraturan Makanan 1985; dan
  - b) Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- ii. Garis Panduan Penyediaan dan Penjualan Makanan di Premis Outlet Makanan Bergerak;
- iii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisemen Makanan 2007 sedia ada;
- iv. Amalan pemakanan dan penyediaan menu secara sihat

- yang lebih ditekankan dan semua trak bergerak (makanan) mendapatkan pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)" daripada Kementerian Kesihatan;
- v. Mengelakkan pencemaran penyimpanan bekalan air dalam trak atau di lokasi trak berhenti untuk menjual; dan
  - vi. Isu bekalan air bersih termasuk penggunaan bekalan air bersih dari sumber yang bersih dan dipercayai (bekalan air awam).

#### 4.10 Pengurusan Sisa Pepejal

4.10.1 Bagi memastikan sisa pepejal di kawasan perniagaan diuruskan mengikut peraturan sedia ada, perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. Peniaga wajib menyediakan tong sampah bertutup yang bersesuaian dengan operasi perniagaan. Sebagai contoh, tong sampah mudah alih (MGB) berkapasiti 120 liter sesuai digunakan;
- ii. Sampah yang dihasilkan tidak boleh dilupuskan di tong sampah awam;
- iii. Peniaga adalah disyaratkan untuk mengitar semula bahan buangan;
- iv. Peniaga Trak Bergerak adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa buangan hasil daripada operasi perniagaan mereka, termasuk pelupusan sisa tersebut;
- v. Peniaga tidak dibenar meninggalkan sebarang sisa/sampah di lokasi perniagaan. Semua sisa/sampah hendaklah dilupuskan oleh peniaga;

- vi. Kawasan perniagaan hendaklah berada dalam keadaan kemas dan bersih selepas setiap sesi perniagaan;
- vii. Peniaga hendaklah memastikan tiada apa-apa bahan buangan cecair dilepaskan ke atas tanah ataupun ke dalam longkang di tapak perniagaan;
- viii. Caj pengurusan sampah boleh dikenakan terhadap peniaga bergantung kepada keputusan PBT; dan
- ix. Penggunaan produk mesra alam atau biodegradasi.

#### 4.11 Pencemaran

- 4.11.1 Peniaga Trak Bergerak haruslah mematuhi Akta 127 yang mengandungi peraturan mengenai standard pencemaran bunyi, air dan udara.
- 4.11.2 Jika terdapat aduan terhadap 3 bentuk pencemaran atau seperimana didefinisikan dalam Akta 127, maka PBT boleh mengarahkan pencemaran dikurangkan atau dihentikan.
- 4.11.3 Peniaga digalak menggunakan trak yang mempunyai elemen teknologi hijau dan mesra alam seperti panel solar untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber kuasa sedia ada yang kurang efisien.
- 4.11.4 Enjin kenderaan perlu dimatikan sepanjang masa beroperasi bagi mengelakkan pencemaran udara dari ekzos trak bergerak.
- 4.11.5 Kawasan operasi trak bergerak dijadikan kawasan larangan merokok.

4.12 Kawalan Harga

4.12.1 Peniaga perlu memastikan harga makanan, barang dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berpatutan serta mematuhi Akta 723.

4.13 Kacau Ganggu

4.13.1 PBT hendaklah mengambil langkah bagi memberhenti dan menghapuskan keadaan yang menimbulkan kacau ganggu awam dalam kawasan PBT.

4.13.2 PBT juga boleh melakukan sebarang perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam.

4.13.3 Peniaga bertanggungjawab dengan apa-apa cara yang bersesuaian untuk menghalang haiwan sama ada haiwan peliharaan atau serangga dan unggas seperti lalat, semut dan burung dari memasuki kenderaan semasa beroperasi dan tidak beroperasi bagi menjamin kebersihan.


4.13.4 Sekiranya terdapat aduan mengenai kacau ganggu, PBT boleh mengarahkan peniaga untuk menghentikan perniagaan ataupun mengurangkan punca-punca yang menyebabkan kacau ganggu berkenaan.

4.13.5 Sekiranya didapati pada suatu masa trak perniagaan menghasilkan bunyi yang menimbulkan kacau ganggu, PBT boleh mengarahkan supaya trak berkenaan beredar ataupun menyuruh aktiviti yang menghasilkan bunyi tersebut dihentikan.


4.13.6 Generator haruslah daripada jenis senyap dan tidak mendatangkan kacau ganggu.

#### 4.14 Iklan


- 4.14.1 Penggunaan logo halal mestilah mendapat pengesahan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri atau pihak berkuasa yang berkenaan. Penggunaan Logo Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mestilah mendapat pengesahan daripada KKM.
- 4.14.2 Paparan iklan yang dibenarkan pada badan kendaraan adalah yang berkaitan perniagaan yang dileSEN dan dipermitkan sahaja.
- 4.14.3 Peniaga yang hendak membuat paparan iklan tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta PBT. Fi lesen iklan akan dikenakan.
- 4.14.4 Iklan yang tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan Trak Bergerak adalah tidak dibenarkan sama sekali.



Contoh Trak Bergerak (Makanan)



Contoh Ruang OperasiTrak Bergerak (Makanan)  
Kredit: *Mobile Cuisine, Pinterest*



Contoh Trak Bergerak (Barangan) – Buah-buahan  
Kredit: *Greenfuse Photography*



Contoh Trak Bergerak (Perkhidmatan)- Memotong Rambut

### **BAHAGIAN III**

#### **4. Penutup**

Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) akan memudahkan semua pihak yang terlibat seperti PBT dan agensi-agensi yang berkaitan untuk merancang keperluan pengurusan perniagaan Trak Bergerak secara komprehensif dan holistik. Garis Panduan ini juga akan membantu pihak peniaga, persatuan dan sebagainya untuk menjalankan perniagaan dengan lebih teratur.

#### **5. Rujukan**

- 6.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].
- 6.2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].
- 6.3 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672].
- 6.4 Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007.
- 6.5 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta).
- 6.6 Garis Panduan Kelulusan Jenis Kenderaan (Pindaan) 2015.
- 6.7 Garis Panduan *Smart Truck* Negeri Selangor.
- 6.8 Lain-lain dasar, garis panduan, pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.